

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dalam membantu pekebun kecil terutamanya pekebun kecil nanas di Sarawak amnya dan di Serian khasnya bagi memasarkan produk mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Perindustrian Nanas (LPNM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta dibantu oleh Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak) telah mengambil beberapa langkah bagi membantu pekebun kecil nanas di Sarawak amnya dan di Serian khasnya memasarkan produk mereka. Sebagai latar belakang, keluasan penanaman nanas di Negeri Sarawak adalah 2,859.07 hektar pada tahun 2019 dan dijangka akan terus meningkat. Bagi kawasan Serian khususnya, keluasan penanaman nanas semasa adalah 36.43 hektar dengan kebanyakannya daripada varieti N36 dan Moris seiring dengan permintaan yang tinggi di kawasan berkenaan.
2. Antara langkah yang telah diambil ialah menyediakan saluran pemasaran seperti Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Medan Niaga Satok, Pasar Tani, Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan

SOALAN NO : 28

Agrobazaar Rakyat (ABR). Di Sarawak, terdapat 31 medan GBBS, 36 buah Pasar Tani, 41 buah AKR dan 17 buah ABR.

3. Selain itu, FAMA turut menggalakkan pengeluar nanas untuk menyertai Program Ladang Kontrak MAFI. Dengan menjadi peserta, pengeluar boleh mendapat jaminan pasaran melalui perjanjian *forward agreement* sama ada dengan pemasar swasta ataupun FAMA. Sebagai contoh, FAMA telah melaksanakan pengaturan pasaran yang melibatkan peserta Ladang Kontrak di Sg. Mata, Samarahan dan di Bau, Kuching dengan pemasar swasta yang melibatkan sebanyak 380 metrik tan nanas dengan anggaran nilai RM1.05 juta. Manakala bagi belian terus melalui pusat operasi FAMA, sebanyak 3,073 biji nanas dengan nilai belian RM3,345.70 telah direkodkan sehingga 31 Oktober 2020.

4. Kerajaan juga telah menyediakan 19 buah Pusat Pengumpulan Ladang di negeri Sarawak bagi memudahkan petani mengumpul, menggred dan seterusnya membungkus hasil pertanian sebelum dipasarkan. Petani juga digalakkan menjual hasil keluaran mereka terus kepada pengguna melalui platform anjuran FAMA seperti Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL), MyBest Buy (MBB) @ MAFI Mart serta melalui Agrobazaar Online.

5. Selain bantuan pemasaran, bantuan infrastruktur serta khidmat pengembangan turut diberikan perhatian dalam membantu pekebun kecil nanas di Sarawak. Pembangunan kemudahan infrastruktur pertanian terutamanya pembinaan dan penambahbaikan jalan ladang telah dilaksanakan bagi memudahkan pengangkutan hasil pertanian dari ladang ke pasaran. Selain itu, khidmat pengembangan dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemindahan teknologi terkini kepada para petani terutamanya dalam bidang tambah nilai bagi produk hiliran turut disediakan.

Sekian, terima kasih.